

Perubahanan MKI selaras kedudukan Islam dalam Persekutuan, negeri



Pengasas
Jurisprudens Watan

Oleh Datuk Dr Wan Ahmad
Fauzi Wan Husain
bhrencana@bh.com.my

Rancangan temu bual sebuah stesen televisyen menampilkan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Raja-Raja Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan (JKT), Datuk Dr Afifi al-Akiti, baru-baru ini, menjelaskan banyak isu berhubung pemilihan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI).

Laporan JKT mengandungi 157 syor mengenai cadangan penambahan atau pengurangan pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-256.

Antara cadangan penambahbaikan ialah pengubahan Peraturan MKI 2022 untuk menggantikan peraturan lamanya. Pengerusi MKI yang secara amalnya sebelum ini disandang Perdana Menteri kini dipilih Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja Melayu dalam kalangan baginda.

Fungsi Majlis Raja-Raja dalam hal ehwal orang Islam peringkat Persekutuan dinyatakan dalam Perkara 38(6)(d) Perlembagaan Persekutuan, iaitu memersetujui atau tidak memersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh.

Di samping itu, kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan setiap negeri, khususnya negeri beraja menjadikan penubuhan MKI sebuah badan syura berwajib serta berperlembagaan.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-81 pada 17 Oktober 1968 memperkenankan penubuhan MKI. Tugas MKI dinyatakan oleh butiran 7 Peraturan MKI (Lama) untuk membincangkan, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara dirujuk kepada MKI oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seseorang ahli MKI.

Ia dengan tujuan memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara mengenai perundangan atau pentadbiran dan pelajaran agama Islam dengan maksud memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang dan pentadbiran.

Peraturan itu menunjukkan MKI sebagai badan perundangan hal ehwal agama Islam peringkat Persekutuan merangkumi aspek awam dan diri orang Islam.

Meskipun aspek awam dari sudut kuasa perundangan dan eksekutif terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong, sebarang bentuk perundangan dilaksanakan pada mesyuarat MKI tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana pelaksanaan fungsi kuasa berkenaan kekal melalui Parlimen dan Jemaah Menteri serta pihak yang diberi kuasa menurut undang-undang Persekutuan.

Dari sudut pentadbirannya, MKI diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Yang di-Pertuan Agong pula adalah ketua agama bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja. Sebagai pemerintah tertinggi Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk memelihara agama Islam seperti dilafazkan dalam sumpah jawatan baginda.

Keterikatan Yang di-Pertuan Agong dan mereka melaksanakan fungsi kuasa baginda dengan amalan prinsip Islam meliputi hal ehwal orang Islam serta pemerintahan awam Persekutuan.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong mengenai pentadbiran hal ehwal orang Islam adalah seperti berikut: Pertama, Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan menyetujui perwakilan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengetuai dalam apa-apa perbuatan, amalan dan upacara yang Majlis Raja-Raja bersetuju perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan.

Kedua, Perkara 3(5) menetapkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Ia turut menetapkan fungsi majlis ditubuhkan melalui undang-undang bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara berhubungan agama Islam.

Ketiga, Perkara 12(2) membenarkan Persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan, menyelenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau me-

nyelenggarakan institusi Islam, mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana perlu bagi maksud itu.

Keempat, Perkara 11(4) membenarkan penggubalan Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang menganut Islam.

Seksyen 4 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara berhubungan dengan agama Islam.

Seksyen 31 pula menjelaskan MAIWP adalah pihak berkuasa agama utama dalam Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali membabitkan perkara hukum syarak dan berhubungan pentadbiran keadilan.

Dari aspek pemerintahan awam Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong menjadi pemegang kuasa eksekutif menurut Perkara 39. Baginda juga entiti tertinggi dalam Parlimen dan pemegang kuasa perkenan.

Bidang kuasa Persekutuan ditetapkan di bawah Jadual Kesembilan. Selain itu, Parlimen berkuasa untuk menggubal undang-undang persendirian Islam bagi Wilayah Persekutuan seperti tersenarai dalam Butiran I Senarai II Jadual Kesembilan.

Justeru, bidang penasihat MAIWP kepada Yang di-Pertuan Agong merangkumi aspek undang-undang diri orang Islam juga kedudukan baginda sebagai pemerintah tertinggi Persekutuan.

Kesemua peruntukan itu tidak menghalang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sekretariat MKI untuk menjadi badan perundangan hukum syarak dan prinsip perundangan Islam dari aspek undang-undang awam serta diri orang Islam kepada Yang di-Pertuan Agong dan pelaksana fungsi kuasa cabang legislatif, eksekutif dan kehakiman Persekutuan.

Hal ini supaya ia sentiasa berada dalam landasan patuh syariah selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

“Peraturan itu menunjukkan MKI sebagai badan perundangan hal ehwal agama Islam pada peringkat Persekutuan merangkumi aspek awam dan diri orang Islam”

